# SAMIN cari bentuk pelaksanaan Dasar Kabotaj lebih kukuh

**SIBU:** Persatuan Industri Maritim Sarawak (SAMIN) mencari bentuk pelaksanaan Dasar Kabotaj lebih kukuh melindungi kepentingan limbungan kapal tempatan dan industri marin.

Presidennya Dr Renco Yong berkata, pelaksanaan Dasar Kabotaj bijak syarikat tempatan boleh bersaing di peringkat sama rata dengan syarikat antarabangsa lebih besar tanpa menjejaskan kualiti produk/perkhidmatan dan semangat keusahawanan.

"Kami menjadi penyokong kuat penggunaan dasar ketat memastikan kepentingan pemain tempatan dalam sektor perkapalan, pembinaan kapal/pembaikan kapal dan aktiviti sokongan dilindungi," katanya pada Mesyuarat Agung Tahunan pemilihan pemegang jawatan kedua penggal 2022-2023 di sini, petang kelmarin.

Beliau memetik contoh Republik Indonesia di mana Dasar Kabotaj dilaksanakan secara ketat bagi melindungi kepentingan pemain-pemain marin tempatan.

SAMIN menjadi penyokong kuat mengetatkan dasar kepentingan rakyat tempatan dan bukannya melaksanakannya secara liberal memihak kepada syarikat asing.

"Kami terus melihat kepentingan syarikat industri marin tempatan dengan mendesak pelaksanaan Dasar Kabotaj lebih ketat," jelasnya.

Yong berkata, SAMIN juga berusaha meletakkan dirinya sebagai 'go-to center' bagi mereka yang berminat mendapatkan maklumat mengenai industri marin Sarawak.

"Ini mendorong kami melaksanakan projek terbesar setakat ini iaitu penerbitan 1,500 buku bertajuk Industri Maritim Sarawak: Pemangkin Pertumbuhan.

"Buku ini memaparkan maklumat berharga tentang industri marin Sarawak, kepentingannya kepada ekonomi dan keupayaan syarikat tempatan terlibat dalam industri itu," katanya.

Terdahulu, beliau berkata sejak penubuhannya pada 25 Oktober 2018, SAMIN melakukan banyak inisiatif dan usaha menjaga kepentingan ahli-ahlinya.

"Ia juga bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan Malaysia serta mempromosikan industri marin di Sarawak," jelasnya.

Beliau menyenaraikan aktiviti itu sebagai mendekati orang ramai dengan mempromosikan industri marin melalui ceramah dan sesi perkongsian maklumat, mempromosikan SAMIN di media sosial melalui penubuhan laman LinkedIn, Facebook dan Instagramnya, mengukuhkan hubungan dalam kalangan pihak berkepentingan marin melalui rangkaian, seminar, acara dan forum, terus menggalakkan pembangunan tenaga kerja mahir dan terlatih industri marin.

Lain-lain ialah 10 mesyuarat jawatankuasa dan majlis diadakan sejak ditubuhkan mengumpulkan semua pertanyaan berbangkit, mengambil bahagian dalam 18 mesyuarat bersama dengan Kementerian Pengangkutan Persekutuan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (MINTRED) dan Kementerian Pengangkutan Sarawak (MOTS) mengemukakan cadangan, isu dibangkitkan untuk menghasilkan dasar penyelesaian.

Di samping itu, turut disenaraikan ialah 115 surat cadangan, komunikasi dan jemputan dihantar kepada kerajaan, agensi berkaitan, unit dan pihak menarik perhatian jabatan berkaitan mewujudkan dialog menyelesaikan pertanyaan dan isu dihadapi.

Yong menambah kata, walaupun terdapat sekatan pergerakan semasa penularan wabak COVID-19, SAMIN terus kekal aktif dengan menganjurkan beberapa inisiatif dengan mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP).

Ini termasuk menyertai program vaksinasi industri (pekerja asing) dan mengeluarkan kenyataan akhbar menggesa Kerajaan Sarawak membenarkan mereka mematuhi SOP meneruskan operasi.

"Walaupun PKP, kami mengadakan mesyuarat Jawatankuasa/Majlis dalam talian dan melibatkan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan dan universiti menyebarkan maklumat industri marin Sarawak dan mempromosikan industri ini," jelasnya.

Yong percaya dengan anggota SAMIN kekal bersatu, persatuan itu boleh terus menyuarakan suaranya menjaga kepentingan ahli-ahli dan seterusnya mempromosi dan membangunkan industri marin Sarawak.

Sementara itu, Yong dipilih semula sebagai presiden SAMIN.

Beliau dibantu oleh Timbalan Presiden Kapten Ting Hien Liong, Naib Presiden (Pembinaan dan Pembaikan Kapal) Ling Tiu Khing,Naib Presiden (Industri Berkaitan Marin) Jackie Chieng, Setiausaha Peter Tay, Penolong Setiausaha Robert Tan, Bendahari Ngieng Hock Sii, Penolong Bendahari Jonathan Ling, Pegawai Hal Ehwal Am Choi Man Siaw, Pegawai Kebajikan Gerald Chang dan Pegawai Pendidikan Chieng Yeu Foo.

# Konsep sektor pertanian moden terus dimantapkan

## Sungai Baji Agro Park bakal dilengkapi air bersih, elektrik, jaringan Internet

Oleh Kepu Sidi

**SARIKEI: Sungai Baji Agro Park bakal dilengkapi kemudahan asas seperti bekalan air bersih, elektrik dan sistem telekomunikasi jaringan kemudahan Internet sebagai usaha kerajaan memantapkan konsep sektor pertanian moden.**

Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Datuk Julaihi Narawi berkata kelengkapan pembangunan itu adalah perintis utama memastikan Sungai Baji Agro Park dilengkapi keperluan asas menjadi tunjang utama kejayaan pertanian moden yang giat dibangunkan di kawasan tersebut.

"Bagi menjayakan usaha itu, kita membawa agensi-agensi berkaitan bidang terbabit seperti Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), SESCO dan telekomunikasi memantau dan mendapatkan maklumat berkaitan keperluan di sini dengan mendengar secara terus daripada Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) yang bertindak sebagai pengurus utama Sungai Baji Agro Park berkaitan permohonan mendapatkan kemudahan dalam kadar segera.

"Kita berharap dengan lawatan ini, semua pihak dapat bertindak dengan segera merealiasikan matlamat menjadikan Sungai Baji Agro Park sebagai salah satu pusat penghasilan makanan penting di negeri ini.

"Kerjasama dan komitmen semua pihak amat penting menjayakan program yang bakal membawa banyak impak positif kepada komuniti di sini terutama golongan belia mempunyai minat mendalam dalam bidang pertanian moden," katanya pada sidang media ketika mengadakan lawatan kerja ke Sungai Baji Agro Park di sini, kelmarin.

> "Bagi menjayakan usaha itu, kita membawa agensi-agensi berkaitan bidang terbabit seperti Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB), SESCO dan telekomunikasi memantau dan mendapatkan maklumat berkaitan keperluan di sini dengan mendengar secara terus daripada Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) yang bertindak sebagai pengurus utama Sungai Baji Agro Park berkaitan permohonan mendapatkan kemudahan dalam kadar segera."
>
> **Datuk Julaihi Narawi**
> *Menteri Utiliti dan Telekomunikasi*



**PERTANIAN MODEN:** Julaihi melakukan lawatan ke salah sebuah pusat pertanian mengutamakan konsep pertanian moden.

Sungai Baji Agro Park dibangunkan oleh LCDA di kawasan Sungai Baji Sarikei dengan keluasan 127 hektar atau 314 ekar.

Pembangunan Sungai Baji Agro Park adalah berkonsepkan pertanian moden dan agro pelancongan.

Julaihi yakin Sungai Baji Agro Park mampu merancakkan aktiviti pertanian di negeri ini dan menjadi landasan melonjakkan taraf sosioekonomi masyarakat di sini.

"Kita berharap golongan sasar program ini dapat memanfaatkan peluang dengan sebaik mungkin memajukan diri dan menambah pendapatan mereka," jelasnya.

Menjawab soalan berkaitan persiapan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) akan datang, Julaihi berkata Gabungan Parti Sarawak (GPS) sudah lama bersedia menghadapi PRU15.

"Kita (GPS) tidak risau kerana kita sentiasa berkhidmat dan bekerja untuk rakyat serta bukan parti bermusim seperti sesetengah parti lain.

"Wakil-wakil rakyat kita sentiasa bekerja dan memberi khidmat terbaik kepada rakyat dan sentiasa bersedia sepanjang masa," katanya.

Sementara itu, CEO LCDA Agri Business Sdn Bhd Idris Ibrahim berkata Sungai Baji Agro Park dibuka untuk golongan berusia 45 tahun ke bawah yang mempunyai minat mendalam terhadap aktiviti pertanian.

"Sehubungan itu, kita menyediakan sebanyak 114 lot pertanian untuk disewa dan dimajukan oleh golongan sasar.

"Fasa pertama ini sebanyak 16 lot ditempah untuk dimajukan dengan memberi fokus konsep fertigasi atau 'smart farming'.

"Kita berharap program ini dapat berjalan dengan lancar dan memberi impak positif kepada sektor pertanian di negeri ini dan bertindak sebagai salah satu aspek yang dapat mempertingkat taraf sosioekonomi penduduk di sini," jelasnya.

Hadir sama Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh, Ahli Parlimen Tanjung Manis Yusuf Abdul Wahab, Residen Bahagian Sarikei Felicia Tan serta tetamu lain.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)

PERBANKAN ISLAM

AGRO BANK

Program
PEMODENAN VESEL DAN MEKANISASI TANGKAPAN

Menggalakkan penggunaan peralatan mesra alam dan peningkatan mekanisasi peralatan tangkapan vesel di Zon Perikanan A, B, C dan C2 di seluruh Malaysia



Tempoh pembiayaan sepuluh (10 tahun) termasuk tempoh enam (6) bulan moratorium

Jumlah pembiayaan sehingga RM5 juta*
* Tertakluk pada skop pembiayaan dan kelayakan kredit pelanggan

Kadar keuntungan serendah tiga (3%) setahun**
** Tertakluk pada zon yang terlibat

IMBAS KOD QR
UNTUK MAKLUMAT LANJUT

• Untuk maklumat lanjut berkenaan produk, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 atau layari laman sesawang korporat kami di www.agrobank.com.my atau kunjungi cawangan Bank yang berdekatan dengan mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
• Tertakluk pada terma dan syarat • Cetakan: Mac 2022

Dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia

www.agrobank.com.my www.facebook.com / Agrobank @AgrobankMy AgrobankTV

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
PressReader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW
pressreader